



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)**

PENGUMUMAN RASMI

KRISIS COVID-19:

PELAKSANAAN KEHADIRAN SEMULA KE KAMPUS BAGI PELAJAR PASCA SISWAZAH, PELAJAR SEMESTER AKHIR/ TAHUN AKHIR DAN PELAJAR BERKEPERLUAN SELARAS DENGAN ARAHAN KAWALAN PERGERAKAN TEMPOH PERINTAH BERSYARAT (PKPB).

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Saudara/saudari Pelajar yang dihormati,

Merujuk kepada Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 27 Mei 2020 mengenai Pengendalian Aktiviti Akademik Di Kampus Institusi Pendidikan Tinggi Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan hasil Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memberi pengecualian kepada lima (5) kategori pelajar berkeperluan untuk pulang ke kampus secara berperingkat , maka pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang telah membuat keputusan seperti berikut:

1.0 PELAJAR YANG TERLIBAT

1.1 Pelajar Pasca Siswazah.

Pelajar pasca-siswazah mod penyelidikan diberikan kebenaran menyambung penyelidikan dengan kadar segera. Kelonggaran ini hanya dibenarkan kepada pelajar yang berkeperluan hadir secara fizikal ke makmal, bengkel, studio reka bentuk atau memerlukan peralatan khusus bagi menjalankan penyelidikan.

1.2 Pelajar Semester / Tahun Akhir

Pelajar Semester/Tahun Akhir bagi pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang perlu melaksanakan kerja-kerja klinikal, latihan amalan, makmal, bengkel, studio reka bentuk, praktikal atau yang memerlukan peralatan khusus seawal 1Julai tertakluk kepada PKPB.

1.3 Pelajar Berkeperluan Khas

Pelajar Semester/Tahun Akhir yang tidak mempunyai akses yang diperlukan dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian seawal 1 Julai tertakluk kepada PKPB.

2.0 PROSES PERMOHONAN DAN KELULUSAN PERMOHONAN

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan proses kehadiran semula pelajar ke kampus, semua pelajar berkaitan hendaklah mengambil tindakan dan mematuhi perkara berikut:

2.1 Pelajar Pasca Siswazah

Pelajar dalam kategori ini hendaklah membuat permohonan kepada Dekan, Institut Pengajian Siswazah (IPS) melalui <https://forms.gle/1e47QDDEyy6qTpi97> mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Hanya pelajar yang diluluskan permohonan sahaja, dibolehkan kembali semula ke kampus. Pemberitahuan keputusan akan dimaklumkan oleh pihak IPS kepada pelajar melalui e-mel rasmi pelajar secara berperingkat mulai **10 Jun 2020**.

2.2 Pelajar Semester / Tahun Akhir

Pelajar dalam kategori ini perlu membuat permohonan melalui Penyelia Projek Tahun Akhir masing-masing **selewat-lewatnya pada 5 Jun 2020**. Hanya pelajar yang diluluskan sahaja dibenarkan kembali ke kampus.

Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) akan memaklumkan keputusan permohonan kepada pelajar melalui Pensyarah masing-masing dan e-mel rasmi pelajar secara berperingkat mulai 1 Julai 2020 atau mana-mana tarikh mengikut penjadualan yang akan ditetapkan kelak.

2.3 Pelajar Berkeperluan Khas

Pelajar dalam kategori ini akan **dikenalpasti oleh Pensyarah** setiap kursus yang terlibat dan akan **DITAWARKAN** untuk kembali ke kampus bagi menggunakan infrastruktur di kampus untuk PdP secara dalam talian.

Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) akan memaklumkan keputusan permohonan kepada pelajar melalui Pensyarah masing-masing dan e-mel rasmi pelajar secara berperingkat mulai **1 Julai 2020** atau mana-mana tarikh mengikut penjadualan yang akan ditetapkan kelak.

3.0 UMUM

- 3.1 Pelajar adalah tertakluk kepada pematuhan Prosedur Operasi Standard bagi setiap aktiviti di kampus yang telah ditetapkan dari masa ke semasa.
- 3.2 Pelajar hanya dibenarkan berada di Makmal/Pusat Penyelidikan pada hari **Isnin hingga Jumaat bermula jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang SAHAJA.**
- 3.3 Di sepanjang melaksanakan kerja-kerja penyelidikan, Pelajar dimestikan mematuhi segala tatacara prosedur makmal dan hendaklah membawa **kad matrik pelajar, memakai pelitup muka (facial mask)** dan sentiasa mengamalkan aspek kebersihan seperti kerap mencuci tangan.
- 3.4 Pelajar diwajibkan untuk mengisi borang Penilaian kehadiran ke Kampus (*Return to Campus Assesement*) di <https://forms.gle/gRVmPhdzmPMVkJEys7> secara atas talian bagi tujuan pengawalan dan pengesahan kesihatan pelajar.
- 3.5 Berkenaan urusan penginapan di Residensi Pelajar, pelajar perlu berhubung terus dengan pengurusan Residensi Pelajar berkaitan terlebih dahulu bagi mendapatkan pengesahan kelulusan penginapan sebelum hadir ke Kampus.
- 3.6 Pelajar yang merentas negeri perlu mematuhi peraturan yang sedang berkuatkuasa pada sepanjang tempoh PKPB dan setiap urusan yang berkaitan adalah di bawah tanggungjawab pelajar sendiri.

Pihak Universiti memohon komitmen semua pihak bagi memastikan kelancaran pengurusan kehadiran semula pelajar pasca siswazah, pelajar semester akhir/tahun akhir serta pelajar berkeperluan khas ke UMP Kampus Pekan dan UMP Kampus Gambang selaras dengan arahan pihak berkuasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) akan memaklumkan sebarang perubahan atau hal-hal berkaitan dengan perkara ini dari masa ke semasa berdasarkan kepada perkembangan dan situasi terkini. Pemakluman terkini berkaitan Covid-19 boleh dirujuk di laman portal ResQ UMP <http://www.ump.edu.my/en/3333>.

Sekian, Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah



PROFESOR DATO. Ts. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh : 1 Jun 2020

s.k

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi

Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Kanan/Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan

Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

[#StaySafe](#)

[#StayStrong](#)

[#StayAtHome](#)

[#AmalkanPenjarakanSosial](#)

[#KitaJagaKita](#)